

19/05/1999

Panel Wanita Umno bantu kes syariah

KUALA LUMPUR, Selasa - Wanita Umno akan membentuk panel peguamnya, di kalangan anggota pergerakan itu, bagi membantu kes wanita yang tidak mendapat pembelaan sewajarnya di Mahkamah Syariah.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata Wanita Umno mahu memberi bantuan berikutan banyak kes membabitkan wanita Islam, terutama kes rumah tangga, yang tertunggak dan tidak diberi pembelaan sewajarnya.

Beliau memberi contoh kes seorang wanita yang digantung tidak bertali selama 20 tahun oleh suaminya kerana gagal memperolehi penyelesaian di Mahkamah Syariah, sedangkan suaminya penagih dadah dan kerap memukulnya.

Wanita itu akhirnya terpaksa kembali ke pangkuan suami dan terpaksa pula menjaga lelaki itu, yang terlantar sakit.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat ketua-ketua Wanita Umno negeri di Ibu Pejabat Umno di sini, beliau berkata nama peguam wanita yang terbabit sedang diteliti dan pengumumannya akan dibuat awal bulan depan.

Siti Zaharah yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, penubuhan panel peguam itu adalah tambahan kepada klinik guaman wanita sedia ada, yang kini memberi khidmat guaman dengan bayaran minimum kepada wanita bermasalah.

"Perbincangan dengan wakil badan bukan kerajaan (NGO) yang mengendalikan kes wanita, Mahkamah Syariah, Pusat Islam dan badan berkaitan, akan diadakan bagi mendapatkan pandangan bagaimana untuk menyelesaikan masalah itu.

"Kita juga merancang mengadakan sesi khas dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Julai depan, untuk tujuan sama," katanya.

(END)